

12 FEB 1998

Panel-yakin

PAKAR TEKNOLOGI MAKLUMAT YAKIN DENGAN MSC

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Beberapa pakar dan ketua syarikat teknologi maklumat terkemuka dunia yakin penuh dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berkata projek itu akan mencapai kejayaan besar.

Mereka menyatakan komitmen masing-masing terhadap projek itu pada persidangan berita bersama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengenai MSC di sini, hari ini.

Malahan, mereka berjanji untuk membuat pelaburan baru dan selanjutnya dalam MSC.

Pengerusi Lembaga Motorola Gary L.Tooker berkata syarikatnya komited untuk memperluaskan perniagaan dalam MSC terutamanya dalam pembangunan Kad Pintar dan perisian.

"Saya gembira dengan perkembangan konkrit (dalam MSC) yang telah dilakukan oleh Dr Mahathir dan seluruh pasukannya...dalam tempoh yang pendek kami melihat wawasan ini mula mengambil tempat," katanya.

Naib Presiden Siemens AG Axel Haas, yang menyatakan komitmen serupa, berkata syarikatnya memutuskan untuk membuat pelaburan tambahan dalam MSC kerana ia tertarik dan kagum dengan projek itu.

"Saya sangat optimistik bahawa kami melabur di tempat yang betul," katanya.

Terdahulu, Haas mengumumkan bahawa konglomerat Jerman itu merancang untuk melabur kira-kira AS\$50 juta bagi tempoh 10 tahun akan datang di MSC.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Alcatel Alsthom, yang berpangkalan di Perancis, Serge Tchuruk pula berkata walaupun Malaysia menghadapi masalah ekonomi, beliau yakin dengan masa depan negara ini.

"MSC adalah lebih daripada sebuah konsep. Kami melihat projek dan rancangan perniagaannya dan kami berasa kagum. Saya tidak tahu negara lain di dunia yang mempunyai maklumat mendalam mengenai teknologi maklumat," katanya.

Pengerusi Silicon Graphics Bob Bishop berkata MSC akan menjadi pemangkin bagi menarik keluar Malaysia dan negara-negara serantau lain dari masalah ekonomi semasa.

"Terdapat perkembangan lebih besar kini berbanding mesyuarat yang lepas. Kemudahannya ketara. Perancangan juga semakin konkrit," katanya.

Professor William Miller dari Stanford University, California berkata MSC telah memilih syarikat-syarikat terbaik dari seluruh dunia untuk datang ke negara ini.

"Mempelajari daripada pusat-pusat yang lain, menghasil dan mengumpul inovasi bidang-bidang lain...kami mula melihat kemunculan satu keusahawanan, ini adalah satu berita baik untuk Malaysia," katanya.

Ketua Rantau Asia Tenggara Bloomberg G. Jagathisan berkata syarikat itu menyambut baik inisiatif MSC dalam pindaan Akta Bernama, yang menyebabkan hak eksklusif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) menyebarkan berita asing ditarik balik.

Beliau berkata dengan penarikan balik itu, para pelanggan dapat menjimatkan RM12,000 atau 18 peratus daripada kos terminal Bloomberg.

Pengurangan itu akan berkuatkuasa pada akhir Mac ini, katanya.

Penasihat Kanan Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Washington Diana Lady Dougan berkata IAP memuji wawasan dan kesanggupan Malaysia untuk menjadi negara bagi menguji teknologi IT.

Sejumlah 25 pakar IT yang merupakan anggota dan pemerhati IAP

menghadiri mesyuarat hari ini. -- BERNAMA
TM NAK